

08 AUG 2001

Meritokrasi-Reaksi

PELAJAR BUMIPUTERA HARUS LEBIH GIGIH PASTIKAN DAPAT TEMPAT DI IPTA

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata mulai sekarang pelajar Bumiputera harus berusaha lebih gigih lagi bagi memastikan mereka mendapat tempat di universiti.

Ini kerana, walaupun kerajaan telah memutuskan untuk terus mengekalkan sistem kuota bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tetapi juga mahukan pelajar yang memasukinya mempunyai tahap kelulusan lebih tinggi.

"Seperti kata PM, kita tak boleh wujudkan satu sistem yang mengekalkan mediokrasi yang membenarkan, yang tak elok, yang lemahpun melanjutkan pelajaran, maka sebab itu cadangan dibuat supaya dinaikkan sikit kelayakan itu bagi semua fakulti.

"...supaya apa juga kriteria (kemasukan) yang diberikan oleh sesuatu fakulti itu ditambah sikit lagi supaya kita harap pelajar-pelajar yang akan masuk benar-benar berkualiti," katanya kepada pemberita.

Abdullah sebelum itu menghadiri sesi taklimat tertutup oleh Dr Mahathir kepada pemimpin-pemimpin Umno mengenai cadangan sistem meritokrasi untuk kemasukan ke universiti awam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Perdana Menteri berkata, syarat kelayakan yang lebih tinggi itu merupakan langkah awal kerajaan untuk melaksanakan sistem meritokrasi secara berperingkat-peringkat untuk kemasukan pelajar ke universiti.

"Jika kerajaan mengenakan sekatan merit secara menyeluruh, bilangan penuntut Melayu akan terlalu berkurangan. Oleh itu ia akan dimulakan secara sedikit mengikut jurusan," katanya.

Kemudian jika kelulusan mereka meningkat, syarat kelayakan akan naik satu tahap lagi supaya akhirnya kelulusan mereka boleh sama tinggi dengan kaum yang lain.

"Kalau kita kenakan sekaligus mengikut meritokrasi, ini akan membawa keputusan yang teruk kepada penuntut Melayu sehingga mungkin tidak ada penuntut Melayu dalam bidang-bidang tertentu.

"Walaupun kita kata kita akan guna meritokrasi tetapi ia tidaklah akan dilaksanakan secara serentak, sebaliknya kita akan memberi amaran kepada mereka supaya mereka belajar dan mendapat kelulusan yang baik, dan kelulusan untuk masuk ke universiti akan dinaikkan ke satu tahap lebih tinggi," katanya.

Dr Mahathir memberi contoh, jika syarat kemasukan ke bidang perubatan pada masa ini adalah 7A bagi pelajar Melayu, syarat itu akan dinaikkan kepada 8A dan mereka yang tidak mencapai kelulusan itu tidak dapat masuk ke universiti.

Beliau berkata walaupun sistem kuota dikekalkan dan kerajaan mengharapkan bilangan penuntut Melayu dapat memenuhi kuota yang ditetapkan itu, "jika ia tidak dapat dipenuhi, tidak mengapa asalkan penuntut yang diterima masuk itu adalah berkualiti tinggi."

"Kita nak capai kuota itu tapi kita tak nak capai kuota itu sehingga yang tak gunapun dapat masuk...tak guna," katanya.

Perdana Menteri berkata, langkah itu akan dilaksanakan secepat mungkin, seawalnya pada kemasukan akan datang dan amaran beliau hari ini akan membolehkan pelajar Melayu bersedia untuk bersungguh-sungguh jika ingin masuk ke universiti tahun depan dan beliau yakin mereka berupaya berbuat demikian.

Beliau berharap pelajar Melayu mempunyai kelulusan yang lebih tinggi

dalam semua peringkat pendidikan tetapi bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), mereka perlu cemerlang untuk masuk ke universiti.

Kelayakan yang tinggi juga akan dikenakan bagi kemasukan pelajar yang mahu mengikuti kursus matrikulasi, katanya.

Dr Mahathir juga mengulangi peringatannya bahawa pelajar universiti yang terbabit dengan kegiatan lain sehingga menjejaskan prestasi pelajaran mereka, akan diberhentikan.

Beliau berkata antara punca pencapaian buruk pelajar Melayu di sekolah ialah adanya guru-guru yang ditugas untuk memberi didikan akhlak seperti guru agama, tidak mengajar agama sebaliknya mengajar politik untuk membenci dan maki hamun.

Kedadaan itu menyebabkan pelajar tidak faham tentang agama dan mudah terpengaruh dengan ajaran karut seperti menyembah syaitan dan kegiatan negatif yang lain.

Kerajaan sedang mengkaji tindakan yang sesuai terhadap guru-guru agama terbabit, katanya.

-- BERNAMA  
AFY KHY MAI